

**PERANCANGAN STRATEGIC TEKNOLOGI
SISTEM MAKLUMAT DI UNIVERSITI: KAJIAN
KES DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK.**

TAN BOON LING

4846



**FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2003**

**HF
5548.2
T161
2003**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat Di Universiti:
Fajen Kes Di Universiti Malaysia Sarawak.

SESI PENGAJIAN : 2000/2001

Saya TAN BOON LING
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
No. 39, Sim Lian Hui Garden,
Nangas Road West, 93400
Kuching, Sarawak.

Tarikh: 10.03.2003

Tarikh: 10/03/2003

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

**PERANCANGAN STRATEGIK TEKNOLOGI SISTEM MAKLUMAT
DI UNIVERSITI: KAJIAN KES DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK.**

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



0000120304

Oleh

**Tan Boon Ling
4846**

**Projek di persembahkan kepada
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
sebagai sebahagian syarat untuk memenuhi kehendak
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Perniagaan
Dengan Kepujian
(Sistem Maklumat Pengurusan Perniagaan)**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2000/01**

PENGESAHAN PELAJAR

Saya mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk
"Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat Di Universiti:
Kajian Kes Di Universiti Malaysia Sarawak" ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya nyatakan
sumbernya.

10.03.2003

Tarikh Serahan



Tan Boon Ling
4846

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Malaysia Sarawak

PENGESAHAN PENYELIA

Setelah di teliti Projek Tahun Akhir bertajuk "Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat Di Universiti: Kajian Kes Di Universiti Malaysia Sarawak" yang di buat oleh Tan Boon Ling (4846), pihak penyelia berpuashati dengan Projek Tahun Akhir ini sebagai memenuhi syarat pengijazahan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Perniagaan dengan Kepujian (Sistem Maklumat Pengurusan Perniagaan).

10/03/2003

Tarikh/Serahan



Puan Rohaya Md Nor
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Malaysia Sarawak

ABSTRAK

Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat Di Universiti:

Kajian Kes Di Universiti Malaysia Sarawak

Oleh

Tan Boon Ling

Projek tahun akhir ini adalah berkenalan dengan pelaksanaan perancangan strategik teknologi sistem maklumat di universiti. Kajian ini bertujuan untuk melihat teknologi maklumat dan sistem maklumat yang terdapat di universiti, peranan pihak pengurusan atasan universiti dalam mengurus perancangan strategik teknologi sistem maklumat, penggunaan teknologi sistem maklumat dan kesan perancangan strategik kepada pihak yang terlibat, dan meninjau persekitaran luaran serta dalaman teknologi sistem maklumat universiti. Kajian ini berbentuk kajian kes. Temubual serta pemerhatian telah digunakan untuk mengumpul maklumat penyelidikan. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati perancangan strategik teknologi sistem maklumat di universiti masih dapat memenuhi keperluan warga universiti. Namun demikian, terdapat kelemahan-kelemahan dalam perancangan ini. Akhir sekali, beberapa cadangan-cadangan telah dikemukakan untuk mempertingkatkan lagi perancangan strategik teknologi sistem maklumat di universiti seperti perancangan sedemikian dapat menyokong semua peringkat penggunaan teknologi sistem maklumat sama ada dalam penggunaan yang paling teknikal sehingga ke penggunaan yang paling biasa.

ABSTRACT

Information System Technology Strategic Planning At University:

Study Case At Universiti Malaysia Sarawak

By

Tan Boon Ling

This final year project was related with the information system technology strategic planning at university. The aim of this study was to determine the information technology and information system that own by the university, the roles of senior management in managing information system technology strategic planning, information system technology usage and the effect of strategic planning to the involved party, as well as to survey the university's external and internal information system technology environment. This study was in the form of case study. Interview and observation were used to collect research's information. Overall, the finding of this study indicated that information system technology strategic planning in university still able to satisfy university members' needs. However, there were weaknesses in the planning. Finally, some suggestions had put forward to improve the information system technology in university, such as planning that supported all level of information system technology usage whether in most technical usage until the most common usage.

PENGHARGAAN

Salam sejahtera saya ucapkan. Kejayaan menyempurnakan projek tahun akhir ini tidak mungkin dicapai tanpa tunjuk ajar, bantuan, kerjasama, sokongan, galakan dan pengorbanan beberapa orang tertentu di sekeliling saya. Maka dengan kesempatan ini, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada institusi atau orang perseorangan yang telah bersama-sama membantu saya mencapai kejayaan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ingin saya rakamkan kepada penyelia saya Puan Rohaya Mohd Nor, pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, yang telah banyak memberi bimbingan dan panduan di sepanjang kajian ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah yang terlibat dalam program pasca siswazah pengurusan sistem maklumat perniagaan Unimas 2000/2001. Sekalung penghargaan juga kepada Puan Mahani Abd Shakur dan Encik Hamri Tuah atas bantuan yang diberikan untuk saya melengkapkan kajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak seperti, Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik dan tidak ketinggalan kepada para staf dan pelajar Unimas yang telah membantu menjayakan kajian ini. Ribuan terima kasih kepada staf Fakulti Ekonomi dan Perniagaan dan rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan bantuan dan kerjasama mereka.

Akhir sekali ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat ibu bapa yang telah memberi sokongan dan bantuan dalam menjayakan kajian ini. Tidak saya lupakan kepada abang dan adik yang sangat memahami dan banyak membantu. Kepada semua yang terlibat semoga segala jasa kalian diberi ganjaran kebaikan. Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL..... xi

SENARAI GAMBARAJAH..... xii

BAB 1: PENDAHULUAN.....m/s1-14

1.0	Pengenalan.....	m/s1
1.1	Latar Belakang Universiti.....	m/s3
1.2	Struktur Organisasi Universiti.....	m/s5
1.3	Penyataan Masalah Kajian.....	m/s8
1.4	Objektif Kajian.....	m/s9
1.5	Kepentingan Kajian.....	m/s10
1.6	Definisi Kajian.....	m/s11
1.7	Kesimpulan.....	m/s14

BAB 2: ULASAN KARYA TERPILIH.....m/s15-32

2.0	Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat.....	m/s15
2.1	Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat Di Universiti.....	m/s17
2.2	Peranan Pembuat Keputusan (<i>Decision Maker</i>) Dalam Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat.....	m/s19
2.3	Keperluan Dalam Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat.....	m/s21

2.4	Dimensi Perancangan Untuk Teknologi Maklumat.....	m/s23
2.5	Model-model Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat	
2.5.1	Elemen-elemen Strategik Sistem Maklumat.....	m/s24
2.5.2	Input-input dan Output-output Dalam Model Proses Perancangan.....	m/s26
2.5.3	Model Langkah-langkah Dalam Proses Perancangan Strategik Sistem Maklumat.....	m/s28
2.6	Teknik Dalam Menkuatkuasakan Perancangan Strategik Teknologi Sistem Maklumat	
2.6.1	Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman.....	m/s30
2.6.2	Misi, Matlamat, Wawasan dan Objektif.....	m/s31
2.7	Kesimpulan.....	m/s32
 BAB 3: METODOLOGI KAJIAN.....		m/s33-42
3.0	Pengenalan.....	m/s33
3.1	Reka Bentuk Kajian.....	m/s33
3.2	Subjek Kajian Kes.....	m/s34
3.3	Instrumen Kajian.....	m/s35
3.3.1	Kaedah Kajian Kes.....	m/s36
3.3.2	Kaedah Temubual.....	m/s37
3.3.3	Kaedah Pemerhatian.....	m/s39
3.4	Kaedah Pengumpulan Data.....	m/s40
3.5	Kaedah Penganalisan Data.....	m/s41
3.6	Kesimpulan.....	m/s42

BAB 4: KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN.....m/s43-80

4.0	Pengenalan.....	m/s43
4.1	Persekitaran Perniagaan Dalam dan Luaran	
4.1.1	Analisis Persekitaran Perniagaan Dalam.....	m/s45
4.1.2	Analisis Persekitaran Perniagaan Luaran.....	m/s54
4.2	Strategik IS Perniagaan, Strategik IT dan Pengurusan Strategik IS/IT	
4.2.1	Analisis Strategik IS Perniagaan.....	m/s58
4.2.2	Analisis Strategik IT.....	m/s61
4.2.3	Analisis Pengurusan Strategik IS/IT.....	m/s62
4.3	Persekitaran IS/IT Dalam dan Luaran	
4.3.1	Persekitaran IS/IT Dalam.....	m/s68
4.3.2	Persekitaran IS/IT Luaran.....	m/s79
4.4	Kesimpulan.....	m/s80

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN.....m/s81-87

5.0	Pengenalan.....	m/s81
5.1	Rumusan Kajian.....	m/s81
5.2	Batasan Kajian.....	m/s83
5.3	Cadangan.....	m/s84
5.4	Cadangan Kajian Seterusnya.....	m/s86
5.5	Penutup.....	m/s87

BIBLIOGRAFI.....m/s88-91

LAMPIRAN.....m/s92-106

Lampiran A: Sistem Maklumat Di Unimas m/s92

Lampiran B: Rancangan Korporat Unimas Tahun 1997-2000 m/s96

Lampiran C: Soalan-soalan Temubual Untuk Pengurus Kanan Khidmat
Maklumat Pengurusan m/s102

Lampiran D: Soalan-soalan Temubual Untuk Pengurus Kanan Khidmat
Maklumat Akademik m/s103

Lampiran E: Soalan-soalan Temubual Untuk Pengurus Unit E-learning m/s104

Lampiran F: Soalan-soalan Temubual Untuk Pengurus Fakulti m/s105

Lampiran G: Soalan-soalan Temubual Untuk Staf Akademik, Staf Bukan
Akademik dan Pelajar m/s106

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Jenis-jenis Perkakasan Teknologi Maklumat Di Unimasm/s68

Jadual 2: Jenis-jenis Aplikasi Komputer dan Perisian-perisianm/s69

Komputer Di Unimas

SENARAI GAMBARAJAH

- Rajah 1: Jenis-jenis Organisasi m/s5
- Rajah 2: Struktur Organisasi Unimas m/s7
- Rajah 3: Model Elemen-elemen Strategik Sistem Maklumat m/s25
- Rajah 4: Model Input-input Dan Output-output Dalam Proses Perancangan m/s27
- Rajah 5: Model Langkah-Langkah Dalam Proses Perancangan Strategik Sistem
Maklumat m/s29
- Rajah 6: Proses Pengurusan Strategik IT Dan IS Yang Berlaku Dalam Unimas... m/s63
- Rajah 7: Belanjawan Pembangunan Unimas Tahun 1997 dan 2000 m/s66

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dengan perkembangan teknologi maklumat (*Information Technology*) yang semakin pesat pada hari ini, organisasi-organisasi dalam era informasi mula menitikberatkan soal perancangan strategik yang bersesuaian dengan penggunaan teknologi sistem maklumat dalam organisasi mereka. Perancangan strategik teknologi sistem maklumat merupakan satu langkah strategik jangka panjang serta merupakan satu program yang amat diperlukan bagi membangunkan rancangan teknologi maklumat bertaraf nasional untuk mengurangkan perbelanjaan kos dan bersepadu untuk menangani isu-isu utama bagi pembangunan teknologi maklumat di organisasi dengan lebih spesifik, fokus dan profesion (Frenzel, 1992). Ini adalah diperlukan dalam mencorak rancangan masa depan teknologi sistem maklumat organisasi dalam memasuki abad 21.

Perancangan strategik teknologi sistem maklumat bukan sahaja diperlukan dalam organisasi-organisasi yang bermotifkan keuntungan. Malahannya, perancangan sedemikian juga amat diperlukan dalam Institusi Pendidikan Tinggi seperti universiti tempatan. Walau bagaimanapun, perancangan strategik teknologi sistem maklumat di universiti adalah berlainan sekali dengan organisasi-organisasi yang lain kerana objektif organisasi, stuktur organisasi, budaya organisasi, saiz organisasi dan gaya pengurusan organisasi yang berbeza

(Frackmann, 1994). Perbezaan ini lebih ketara antara universiti kerajaan dengan universiti swasta.

Isu-isu yang telah diketengahkan oleh pengaji-pengaji lain dalam perancangan strategik teknologi sistem maklumat di universiti adalah luas dan meliputi pelbagai bidang antaranya seperti objektif atau misi rancangan, pengurusan pemusatan (*Centralization*), pengurusan bukan pemusatan (*Decentralization*), pengurusan perbelanjaan, perisian-perisian aplikasi yang digunakan, tahap penerimaan organisasi, rangkaian jaringan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bidang yang dikaji adalah bergantung kepada struktur organisasi dan objektif organisasi berkenaan. Ini kerana struktur organisasi serta objektif organisasi yang berlainan akan mempengaruhi skop bidang kajian pengaji. (Hunter, 1994)

Pengurusan perancangan strategik sistem maklumat atau teknologi maklumat yang berjaya akan membawa kesan yang positif kepada sesebuah universiti samada kepada pelajar universiti mahupun staf universiti (Frackmann, 1994). Selain itu, Frackmann (1994) dalam kajian beliau menyatakan bahawa teknologi maklumat dan sistem maklumat yang terdapat dalam universiti lebih memainkan peranan sebagai penyokong (*supporter*) kepada pengurusan universiti. Oleh demikian, pihak universiti perlu mengambil langkah-langkah atau perancangan yang teliti, sistematik dan berkesan untuk mengurus sistem maklumat dan teknologi maklumat yang terdapat dalam kampus.

Universiti-universiti yang terdapat dalam Malaysia kini mula mengambil berat tentang perancangan strategik teknologi sistem maklumat di dalam organisasi mereka. Universiti Malaysia Sarawak merupakan salah sebuah universiti yang mementingkan perancangan sedemikian dalam perkembangan

universiti. Dalam kajian yang bakal dijalankan di Unversiti Malaysia Sarawak ini, tujuan utama kajian adalah untuk melihat perancangan strategik teknologi sistem maklumat yang dilaksanakan di universiti tempatan. Justeru, kesan perancangan ini terhadap pihak yang terlibat juga turut dikaji oleh penulis. Di samping itu, perkakasan dan perisian komputer yang digunakan dalam universit juga termasuk dalam skop kajian penulis.

1.1 Latar Belakang Universiti Malaysia Sarawak

Universiti Malaysia Sarawak juga dikenali sebagai Unimas. Universiti ini terletak di Kota Samarahan, kira-kira 25km dari bandar raya Kuching.

Universiti Malaysia Sarawak merupakan universiti kerajaan yang kelapan ditubuhkan selepas Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Secara rasminya, UNIMAS ditubuhkan pada 24 Disember 1992. UNIMAS mengendalikan program-program akademik seperti doktor falsafah, ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda kepada pelajar-pelajarnya.

Universiti ini mempunyai 8 buah fakulti, 4 buah institut dan 5 buah pusat. Semenjak Unimas ditubuhkan sehingga ke hari ini, universiti ini mempunyai 13 bidang yang ditawarkan, antaranya adalah Seni Kreatif, Kejuruteraan, Pembangunan Sumber Manusia, Teknologi Maklumat, Sains Sosial, Ekonomi,

Perniagaan, Pengajian Bahasa dan sebagainya. Setiap fakulti, institut atau pusat diketuai oleh seorang dekan dan diurus oleh staf sokongan masing-masing.

Perkara berkaitan dengan pengurusan teknologi maklumat ataupun sistem maklumat adalah di bawah pengurusan Pusat Khidmat Maklumat Akademik juga dikenali sebagai PKMA (*Centre for Academic Information Services, CAIS*), dan Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Centre for Information and Communication Technology Services, CICTS*). Namun demikian, Pusat atau Jabatan yang lain seperti Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan (*Centre for Technology Transfer and Consultancy, CTTC*), dan Jawatankuasa Khidmat Maklumat Akademik juga terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perancangan strategik teknologi sistem maklumat di Unimas.


Pusat Khidmat Maklumat Akademik menawarkan pelbagai maklumat dan informasi kepada pengguna-penggunanya. Antaranya seperti bahan cetakan yang merangkumi buku-buku, jurnal-jurnal, dan majalah-majalah. Di samping itu, pusat ini juga menawarkan *e-journals*, *e-books* dan *CD-ROM databases* kepada para penggunanya. Pusat Khidmat Maklumat Akademik memainkan peranan yang penting dalam perancangan strategik teknologi sistem maklumat Unimas.

Pusat ini mempunyai perancangan strategik sistem maklumat yang cekap, terutamanya dalam merancang penggunaan teknologi maklumat kepada kampus mahupun penggunaan sistem maklumat di Unimas. Selain itu, di dalam pusat ini terdapat sebuah bilik khas yang beroperasi untuk memperbaiki peralatan komputer-komputer yang rosak. Di samping itu, *server* yang terdapat dalam universiti juga disimpan dalam pusat ini. Dalam mengendalikan pusat ini, seorang pentadbir sepenuh masa dipertanggungjawabkan untuk mengurusnya.

Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi memainkan peranan yang terpenting dalam merancang perancangan untuk kegunaan teknologi maklumat dan sistem maklumat di Unimas. Selain itu, pusat ini juga terlibat dalam merancang pembelian peralatan komputer dan peralatan teknologi maklumat untuk kampus. Justeru, Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi juga menghasilkan sistem maklumat yang sesuai untuk kegunaan harian kampus. Dalam soal pengurusan, seorang pentadbir sepenuh masa dipertanggungjawabkan untuk mengurus pusat ini.

1.2 Struktur Organisasi Universiti Malaysia Sarawak

Sellappan (2000) dari Universiti Malaya mengkategorikan organisasi kepada tiga jenis yang utama iaitu; organisasi swasta termasuk organisasi yang bermotif keuntungan dan bukan bermotif keuntungan, organisasi kerajaan dan organisasi koperat.




Gambar rajah 1.1
Jenis-jenis Organisasi
Sumber: Sellappan, 2000, ms1-5

Universiti Malaysia Sarawak dikategorikan dalam organisasi jenis kerajaan kerana universiti ini merupakan salah sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Kerajaan yang terletak di Malaysia. Setiap suatu organisasi ini mempunyai struktur organisasi yang tersendiri.

Struktur organisasi merujuk kepada bagaimana aktiviti-aktiviti sesebuah organisasi dibahagikan, dikumpulkan dan diselaraskan ke dalam hubungan antara pengurus dan staf, antara pengurus dengan pengurus dan antara staf dengan staf. Struktur organisasi mempunyai peranannya yang tersendiri dalam perancangan strategik teknologi sistem maklumat. Struktur organisasi yang diwujudkan harus membantu pihak organisasi mencapai kejayaan serta mencapai objektif perancangan strategik teknologi sistem maklumat organisasi (Sellappan, 2000).

Secara keseluruhannya, terdapat dua jenis struktur organisasi, iaitu organisasi lini dan organisasi lini dan staf. Struktur organisasi Unimas tergolong dalam struktur organisasi lini. Struktur organisasi lini menunjukkan satu hubungan menegak antara peringkat-peringkat dalam organisasi. Pengurus-pengurus dalam jenis organisasi ini bertanggungjawab secara langsung dalam menjalankan aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat organisasi (Muhammad, 1996).

Gambar rajah 1.2 merupakan struktur organisasi Unimas. Dalam organisasi ini, autoriti berasal dari Lembaga Pengarah, mengalir kepada Senat dan seterusnya kepada Jawatankuasa-jawatankuasa yang utama, dan akhirnya kepada Bahagian, Fakulti atau Pusat yang tertentu. Seorang kakitangan bertanggungjawab dan melapor hanya kepada seorang ketua sahaja dalam struktur organisasi lini.



Gambar rajah 1.2
Struktur Organisasi Unimas
Sumber: Canselori Unimas, 2002

Dalam Gambar rajah 1.2 jelas menunjukkan Pusat Khidmat Maklumat Akademik dan Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Pusat - pusat lain yang berkaitan dengan pengurusan teknologi maklumat dan sistem maklumat terletak di bawah pengurusan Timbalan Naib Canselor Pembangunan, Lembaga Pengarah dan Unit-unit Canselori juga mempunyai peranan masing-masing dalam merancang perancangan strategik teknologi sistem maklumat bagi universiti.

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Tujuan kajian ini adalah mengenalpasti perancangan strategi teknologi sistem maklumat yang dirancang untuk universiti tempatan. Data-data untuk kertas kajian ini akan dikumpulkan melalui kajian kes yang akan dijalankan oleh penulis di sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam yang terkenal di Sarawak, iaitu Universiti Malaysia Sarawak.

Universiti Malaysia Sarawak, dipilih sebagai model untuk kajian kes atas sebab universiti ini banyak mengaplikasikan teknologi maklumat dalam pengurusan seharian organisasi mereka dan merupakan sebuah universiti yang berkonsepkan teknologi maklumat. Selain itu, dengan pelbagai sistem maklumat yang terdapat di dalam universiti ini jelas menunjukkan organisasi ini mempunyai perancangan strategik yang unggul untuk pembangunan sistem maklumat dan teknologi maklumat dalam kampus.

Di samping sebab-sebab yang telah diterangkan di atas, organisasi pendidikan ini juga mempunyai Bahagian atau Jabatan yang khas untuk

pengurusan serta perancangan strategik teknologi sistem maklumat dalam kampus atas keperluan untuk melicinkan lagi pengurusan organisasi mereka. Jadi, dengan adanya Jabatan atau Bahagian yang dikhaskan untuk pengurusan teknologi maklumat dan sistem maklumat, ini memudahkan penulis untuk memperolehi data-data serta informasi-informasi yang diperlukan untuk penyelidikan ini.

Perkara-perkara yang dapat dikaji dalam perancangan strategik teknologi sistem maklumat adalah luas malahannya meliputi pelbagai bidang. Oleh demikian, penulis kajian ini hanya menumpukan penyelidikan beliau dalam beberapa perkara. Antaranya adalah seperti melihat jenis teknologi maklumat serta perisian-perisian aplikasi yang telah digunakan dalam universiti ini. Justeru, skop kajian juga meliputi mengkaji pihak yang mengurus soal pengurusan perancangan teknologi sistem maklumat serta kesan perancangan strategik tersebut terhadap warga kampus.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Am

Objektif am kajian ini adalah untuk melihat perancangan strategik teknologi sistem maklumat yang dilaksanakan di Institusi Pendidikan Tinggi Kerajaan.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- Melihat secara kasar pelbagai jenis teknologi maklumat yang digunakan di universiti.
- Meninjau secara kasar pelbagai sistem maklumat yang terdapat dalam universiti.
- Mengetahui pihak berkuasa yang terlibat dalam perancangan strategik teknologi sistem maklumat universiti.
- Melihat sejauh mana kesan perancangan dan keputusan pembelian teknologi maklumat kepada pihak yang terlibat.
- Meninjau persekitaran luaran dan dalaman teknologi sistem maklumat universiti.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- Diharap dengan titik usaha yang diperolehi sepanjang kajian ini dapat memberi celik akal kepada para perancang dan pengurus universiti untuk meningkatkan lagi keberkesanan perancangan strategik teknologi sistem maklumat di universiti.
- Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini diharap dapat mempertingkatkan lagi prestasi serta kualiti teknologi sistem maklumat